

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## **BANK ISLAM SEDIA TERIMA PERMOHONAN BAGI PENAMBAHBAIKAN BANTUAN PEMBAYARAN BALIK BERSASAR BERMULA 23 NOVEMBER HINGGA 30 JUN 2021**

**KUALA LUMPUR, Ahad, [22 November 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") bersedia untuk menerima permohonan bagi Penambahbaikkan Bantuan Pembayaran Balik Bersasar ("ETRA") dari segmen B40, M40 dan perusahaan mikro yang teruk terjejas akibat pandemik COVID-19, berkuat kuasa Isnin, 23 November 2020. Penambahbaikkan Bantuan Pembayaran Balik Bersasar telah diumumkan oleh Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz, semasa pembentangan Belanjawan 2021 pada Jumaat, 6 November 2020 lalu.

Bermula 23 November 2020, pihak Bank akan menawarkan ETRA bagi kategori-kategori berikut:

Kategori	Kemudahan	Keperluan dokumen
<ul style="list-style-type: none"><li>Individu B40 (penerima Bantuan Sara Hidup ("BSH")/ Bantuan Prihatin Rakyat ("BPR"))</li></ul>	Penangguhan bayaran ansuran bulanan selama 3-bulan <b>atau</b> pengurangan sehingga 50% bayaran ansuran bulanan sehingga enam (6) bulan	<ul style="list-style-type: none"><li>Tiada</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>Perusahaan Mikro (sebagaimana takrifan SME Corporation Malaysia untuk kemudahan dengan amaun diluluskan sehingga RM150,000)</li></ul>		<ul style="list-style-type: none"><li>Tiada</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>Individu M40 yang berdaftar di dalam pangkalan data Bantuan Prihatin Nasional ("BPN") (individu/isi rumah terjejas)</li></ul>		<ul style="list-style-type: none"><li>Borang Pengisytiharan Kendiri</li></ul>

Bantuan ini disediakan untuk semua pembiayaan yang diluluskan sebelum 1 Oktober 2020 dan tidak tertunggak selama lebih daripada 90 hari pada waktu permohonan.

Pelanggan yang telah menerima sebarang bentuk bantuan pembayaran balik dan berhasrat untuk memohon bantuan lanjut di bawah langkah-langkah tambahan ini masih boleh berbuat demikian dengan menghubungi Bank Islam.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Sejak penularan pandemik COVID-19 ini, kami telah menawarkan pelbagai bentuk kemudahan bagi meringankan kekangan kewangan pelanggan. Bank Islam sedar bahawa pandemik ini telah mengakibatkan ketidakpastian dan menggesa para pelanggan kami supaya sentiasa menyemak kedudukan kewangan masing-masing. Mesej kami sentiasa konsisten sejak dari mula, iaitu, kami bersedia untuk membantu. Sekiranya pelanggan memerlukan bantuan, hubungi kami dan kami akan berusaha sedaya upaya untuk membantu anda mengatasi situasi mencabar ini. Sama seperti bantuan pembayaran balik bersasar, ETRA ini disediakan sehingga Jun 2021."

Untuk borang permohonan, pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan bantuan pascamoratorium Bank Islam, pelanggan boleh melayari laman web di [www.bankislam.com/covid-19](http://www.bankislam.com/covid-19). Permohonan juga boleh dibuat dengan mengimbas kod QR di bawah atau menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di 03-26 900 900.



---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

<p>Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a></p>	<p>Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a></p>
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------